

# Guna MyDebit sambil bantu B40

Infiniti

Elektro

**P**ENGGUNAAN MyDebit sudah menjadi budaya masyarakat terutama di kawasan bandar untuk transaksi kewangan sama ada membeli-belah atau pembayaran tol.

Pada hari ini, transaksi menggunakan MyDebit turut melibatkan urusan pembayaran perkhidmatan seperti kutipan derma.

Sebagai tanggungjawab sosial korporat (CSR) dalam membantu golongan B40, Amanat Lebu Raya Rakyat (ALR) dengan kerjasama Payments Network Malaysia (PayNet) melancarkan kempen Sentuhan Ikhlas.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan ALR, Sazally Saidi, kempen tersebut membolehkan orang ramai menyumbang kepada kebaikan secara kolektif melalui transaksi tol harian.

Ujarnya, setiap transaksi tol dengan MyDebit memberi peluang kepada pengguna untuk membantu keluarga B40 di seluruh Malaysia.

"Melalui inisiatif ini, pengguna lebu raya Kumpulan ALR kini boleh menyumbang dengan mudah di mana-mana 152 lorong tol MyDebit untuk meringankan beban golongan memerlukan.

"Setiap transaksi MyDebit di lebu raya kami memberi impak kepada keluarga yang memerlukan.

"Kami berharap inisiatif ini akan memberi sumber inspirasi kepada lebih ramai pengguna untuk bersama-sama menyertai kempen Sentuhan Ikhlas ini," katanya ketika berucap pada majlis



**SAZALLY (kiri)** sewaktu pelancaran kempen Sentuhan Kasih di Plaza Tol Puchong Selatan, LDP, Selangor baru-baru ini.

pelancaran kempen Sentuhan Kasih di Plaza Tol Puchong Selatan, Lebu Raya Damansara - Puchong (LDP), Selangor baru-baru ini.

Turut hadir pada majlis berkenaan adalah Pengarah Kanan, Bahagian Komersial, PayNet, Azrul Fakhzan Mainor.

Tambahnya, kempen itu bermatlamat untuk menyumbang sejumlah RM500,000 kepada Yayasan MyKasih

setelah mencapai 5 juta transaksi MyDebit dalam tempoh dua bulan.

Setiap pembayaran tol MyDebit yang dibuat di keempat-empat lebu raya akan menyumbang kepada golongan sasaran.

Setiap kali pengguna membuat transaksi, PayNet akan menyumbang dana kepada Yayasan MyKasih.

Sumbangan RM500,000 itu akan membantu 1,000 keluarga

berpendapatan rendah di Malaysia untuk membeli makanan dan keperluan isi rumah melalui penggunaan MyKad mereka.

Kongsinya lagi, dengan menyertai kempen Sentuhan Ikhlas, para pemandu bukan sahaja boleh menyokong tujuan murni itu, malah mereka mendapat manfaat dengan kaedah pembayaran mudah dan selamat menggunakan MyDebit di lebu raya.